



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
ARAS 11, MENARA KERJA RAYA (BLOK G)
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR

Telefon : (03) 2618 9958
Faks : (03) 2618 9844
Laman Web <http://www.jkr.gov.my>

Ruj. Kami: (38) PKR(L)2/1/38
Tarikh: 20 hb. Februari 2018

Semua Jurutera Elektrik Penguasa Kanan Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur
Semua Ketua Jurutera Elektrik Negeri
Semua Jurutera Elektrik Kader

PEKELILING PENGARAH KANAN CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK BIL. 1 TAHUN 2018

PEMATUHAN KEPADA SENARAI SEMAK KEMUDAHAN AKSES BERDASARKAN REKA BENTUK SEJAGAT MS1184:2014

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pematuhan kepada Senarai Semak Kemudahan Akses Berdasarkan Reka Bentuk Sejagat MS1184:2014.

2.0 LATAR BELAKANG


- i. Senarai Semak Kemudahan Akses Berdasarkan Reka Bentuk Sejagat MS 1184:2014 dikeluarkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan pada Jun 2014, pematuhan kepada Undang-Undang Kecil 34A, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984.
- ii. Tujuan utama senarai semak ini adalah untuk membantu dan memudahkan semua pihak berkaitan dalam mereka bentuk keperluan reka bentuk sejagat yang merangkumi golongan warga emas, kanak-kanak dan Orang Kurang Upaya (OKU).
- iii. Surat pekeliling ini turut mengambil kira arahan yang dikeluarkan terdahulu iaitu memo daripada Pengarah Perunding Reka Bentuk mengenai perkara "Penetapan Ketinggian Suis Selaras Dengan MS1184:2014 Reka bentuk Sejagat", rujukan: (41)PKR(L)5/1/59 Jld.9 yang bertarikh 10 April 2017.




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4001



CERTIFIED TO ISO 14001:2004
CERT. NO.: ER 0281



CERTIFIED TO OHSAS
18001:2007



CERTIFIED TO ISO 50001:2011
CERT. NO.: ENR 0012

**PEKELILING PENGARAH KANAN CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
BIL. 1 TAHUN 2018**

- iv. Terdapat 21 borang di dalam senarai semak tersebut di mana 8 borang melibatkan kerja-kerja pemasangan elektrik iaitu Borang I, J, M, O, P, Q, R dan S.
- v. Senarai semak tersebut boleh dimuat turun melalui laman sesawang Jabatan Kerajaan Tempatan seperti berikut:

http://jkt.kpkt.gov.my/jkt/resources/PDF/Pekeliling%20JKT/2015/kemudahan_aksess.pdf

3.0 PELAKSANAAN

Borang senarai semak yang terlibat dengan penetapan ini adalah:

- i. Borang I: Senarai Semak Auditorium dan Dewan Serbaguna
- ii. Borang J: Senarai Semak Bilik Seminar dan Mesyuarat
- iii. Borang M: Senarai Semak Tandas dan Bilik Mandi
- iv. Borang O: Senarai Semak Persekitaran Akustik
- v. Borang P: Senara Semak Pencahayaan
- vi. Borang Q: Senarai Semak Sistem Amaran Kebakaran
- vii. Borang R: Senarai Semak Peralatan, Alat Kawalan dan Suis, Pemegang Pintu serta Telefon Awam
- viii. Borang S: Senarai Semak Laluan Kecemasan

Borang	Perkara	Penetapan CKE
Borang I	1. <i>Hearing Enhancement System</i> dipasang di pentas/ platform. (Klausu 20.1: m/s 82 & Klausu 30: m/s 113)	a) Akan diambilkira dalam reka bentuk Dewan Serbaguna, Auditorium, Dewan Teater, <i>Sports Arena</i> dan Bilik mesyuarat (sekiranya perlu) berdasarkan keperluan dan kelulusan pihak pelanggan. b) Peralatan <i>Hearing Enhancement System</i> perlu disediakan di tempat duduk barisan hadapan.
Borang J	3. Semua peralatan dalam bilik mesyuarat/ seminar dan persidangan hendaklah pada ketinggian antara 800mm hingga 1100mm. (Klausu 21: m/s 84 & Klausu 34.2: m/s 121)	a) Ketinggian suis adalah pada 1000mm dari aras lantai. b) Ketinggian soket alir keluar, AV dan <i>Microphone Receptacle Panel</i> pada 400mm dari aras lantai untuk pemasangan pada dinding.

**PEKELILING PENGARAH KANAN CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
BIL. 1 TAHUN 2018**

Borang	Perkara	Penetapan CKE
Borang M	3. Penggera bantuan kecemasan, termasuk <i>reset control</i>, hendaklah disediakan di semua tandas OKU pada ketinggian antara 800mm - 1100mm dari aras lantai. (Klausu 25.1: m/s 86 & Klausu 25.14: m/s 102)	a) Panjang <i>pull cord</i> adalah sehingga 100mm dari aras lantai dan dilengkapi dua (2) <i>bangle</i> berdiameter 50mm dipasang dengan ketinggian 1000mm dan 100mm dari aras lantai. b) Ketinggian <i>reset control button</i> adalah 1000mm dari aras lantai. c) Ketinggian suis tandas OKU adalah pada 1000mm dari aras lantai.
Borang O	2. <i>Hearing Enhancement System</i> contohnya <i>induction loops</i> dan sistem isyarat pemancar inframerah disediakan di tempat persidangan dan mesyuarat. Alat bantuan pendengaran mudah alih boleh disediakan sebagai alternatif. Rujuk <i>Figure 74</i>. (Klausu 30.3: m/s 114)	Ketetapan adalah sama seperti di Borang I.
Borang P	<u>Pencahayaan</u> 2. Pencahayaan yang cukup perlu disediakan di kawasan-kawasan yang berbahaya seperti tangga, laluan yang mempunyai perbezaan aras, kawasan berhampiran pintu dan kawasan penyampaian maklumat. Minimum pencahayaan perlu disediakan seperti dalam Table 5 (<i>Minimum Light Level In Different Areas</i>) (Klausu 31.7: m/s 116)	Reka bentuk sedia ada telah menepati keperluan yang ditetapkan.

**PEKELILING PENGARAH KANAN CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
BIL. 1 TAHUN 2018**

Borang	Perkara	Penetapan CKE
Borang Q	<u>Isyarat Amaran Cahaya</u> 1. <i>Light strobes/beacons</i> harus dapat dilihat dengan jelas. Perlu dipasang di tandas, kawasan bangunan yang mempunyai persekitaran bising / padat. (Klausu 32.2: m/s 118)	Reka bentuk sedia ada telah menepati keperluan yang ditetapkan.
Borang R	1. Ketinggian peralatan, alat kawalan dan suis, soket adalah seperti berikut: a) Alat-alat kawalan: 800mm – 1100mm dari aras lantai ditempatkan sekurang-kurangnya 600mm dari mana-mana sudut. b) Soket peralatan elektrik/ telefon: tidak kurang daripada 400mm dan tidak lebih 1000mm dari aras lantai. c) Penunjuk meter: 1200mm – 1400mm dari aras lantai. d) Alat-alat kawalan diletakkan pada permukaan yang mendatar 800mm – 900mm dari aras lantai serta 300mm dari tepi permukaan. Rujuk Figure 75. (Klausu 34.2: m/s 121)	a) Ketinggian suis adalah pada 1000mm dari aras lantai dan jarak minima 600mm dari mana-mana sudut ruang. b) Ketinggian soket alir keluar adalah pada 400mm/1000mm dari aras lantai.

**PEKELILING PENGARAH KANAN CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
BIL. 1 TAHUN 2018**

Borang	Perkara	Penetapan CKE
Borang S	2. Kriteria penyediaan ruang bagi bantuan pemindahan ketika kecemasan / kebakaran: iv. Mempunyai pencahayaan yang baik dan papan tanda serta simbol yang betul dan jelas; vi. Alat komunikasi disediakan pada ketinggian 800mm hingga 1100mm dari paras lantai; memudahkan hubungan secara langsung dengan bilik kawalan yang ditetapkan untuk bangunan tersebut. <i>(Klausu 36.3.2: m/s 134)</i>	Reka bentuk sedia ada telah menepati keperluan yang ditetapkan.

**PEKELILING PENGARAH KANAN CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
BIL. 1 TAHUN 2018**

4.0 PENGUATKUASAAN DAN PENAFIAN

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh ianya ditandatangani dan Pekeliling Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik Bil.1 Tahun 2017 bertarikh 23 Ogos 2017 **dibatalkan**.

Penggunaan dan pemakaian senarai semak ini adalah untuk projek-projek Kerajaan yang berada di bawah tanggungjawab dan pengurusan JKR sahaja. Oleh itu, Cawangan Kejuruteraan Elektrik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang penggunaan dan pemakaian bukan di bawah pengurusan JKR.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



.....
(DATO' Ir. Hj. SHUIB BIN TABRI)
PENGARAH KANAN

CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA